

07 FEB 2001

Malaysia-Singapura

MALAYSIA DAN SINGAPURA BINCANG LOKASI BARU STESEN KERETA API

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 7 Feb (Bernama) -- Malaysia dan Singapura telah bersetuju kepada penempatan semula stesen kereta api Tanjung Pagar, yang dimiliki Malaysia di sini, ke satu tapak baru di pulau itu.

Kedua-dua buah negara akan meneliti satu cadangan dari Malaysia untuk memindahkan stesen itu dari Tanjung Pagar ke Kranji dan bukannya ke Bukit Timah atau Woodlands sebagaimana yang terkandung dalam Perkara yang Dipersetujui (POA) yang ditandatangani kedua-dua belah pihak pada 1990.

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata selepas pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa Singapura telah bersetuju pada dasarnya kepada pemindahan itu.

Bagaimanapun, kedua-dua pemimpin, yang mengadakan pertemuan selama 45 minit, tidak menetapkan satu tempoh masa untuk menyelesaikan isu kereta api itu yang menjadi sebahagian daripada pakej yang perlu diselesaikan sebagaimana yang dipersetujui antara Goh dan rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1998.

"Kami masih di peringkat perbincangan," kata Abdullah.

Abdullah berkata isu-isu lain dalam pakej itu, termasuk bekalan air ke Singapura akan turut diselesaikan.

Goh berkata Dr Mahathir telah mencadangkan pemindahan ke Kranji itu dan pembinaan sebuah terowong bawah tanah yang menghubungkan stesen kereta api di Kranji dengan negeri Johor dan juga menyatakan bahawa lebih banyak masa diperlukan untuk menyelesaikan perkara itu.

"Bagaimanapun, perlu ada penghujung kepada proses ini. Dalam erti kata lain, kita bersetuju mereka boleh pergi ke Kranji tetapi kita perlu menamatkan perbincangan ini," katanya.

Beliau berkata kedua-dua pihak memerlukan masa untuk meneliti butiran mengenai pemindahan dari Tanjung Pagar ke Kranji sebelum mencapai satu persetujuan.

Mengenai bekalan air ke Singapura, Abdullah berkata Malaysia tidak akan menafikan bekalan air ke pulau itu dan kedua-dua belah pihak perlu menyelesaikan masalah mengenai penetapan harga dan jumlahnya.

"Kita tidak akan membiarkan rakyat Singapura disekat daripada mendapatkan bekalan air. Ini adalah dasar yang telah ditetapkan," katanya.

Isu-isu yang menimbulkan perbalahan dalam pakej itu termasuk penggunaan ruang udara Malaysia oleh tentera udara Singapura dan pengeluaran wang pencen oleh rakyat Semenanjung Malaysia yang telah bekerja di Singapura.

Kedua-dua negara juga bersetuju untuk meningkatkan hubungan antara rakyat dan akan mengarahkan Kementerian Luar masing-masing untuk mengadakan lebih banyak lawatan pertukaran antara pelbagai kumpulan termasuk ahli perniagaan dan golongan belia.

-- BERNAMA

TCL AKD